

**PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN AWAM DI SABAH,
1963-2000
(SGPUMS SLB0081-SSI-2014)**

SHARIFAH DARMIA BINTI SHARIF ADAM

TAJAJAN

**SKIM GERAN PENYELIDIKAN UMS
SKIM PENSYARAH LANTIKAN BARU (SPLB)**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kertas Kerja ini akan membincangkan tentang perkembangan Perkhidmatan Awam di Sabah selepas negeri tersebut mencapai kemerdekaan pada 16 September 1963 sehingga tahun 2000. Perbincangan akan difokuskan terhadap perubahan-perubahan yang berlaku dalam Perkhidmatan Awam di Sabah khususnya selepas orang tempatan mengambil alih pentadbiran negeri itu daripada penjajah British. Menyedari situasi negeri yang baru merdeka dengan dominasi pegawai-pegawai British khususnya dalam jawatan tinggi pentadbiran kerajaan menyebabkan kerajaan pada peringkat awal kemerdekaan memberi tumpuan terhadap usaha untuk menyusun dan menstrukturkan Perkhidmatan Awam supaya dapat menjalankan pentadbiran dengan baik. Dalam masa yang sama, kerajaan turut melaksanakan dasar pengambilan bumiputera Sabah atau Sabahnisasi dalam Perkhidmatan Awam Sabah supaya lebih ramai orang tempatan dapat dilantik untuk mengisi jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Awam di negeri tersebut seterusnya menggantikan pegawai-pegawai British. Selain itu, perbincangan turut difokuskan terhadap usaha kerajaan dalam penyediaan latihan yang dilaksanakan bukan sahaja sebagai persediaan bagi kakitangan awam tempatan untuk menggalas tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan tetapi juga untuk meningkatkan kelayakan mereka dari segi akademik. Di samping itu, kerajaan turut memberi tumpuan terhadap penambahbaikan sistem gaji dan saraan yang dilaksanakan melalui semakan gaji yang telah dibuat beberapa kali dalam tempoh 30 tahun. Hasilnya, Perkhidmatan Awam di Sabah berkembang maju menjadi jentera pentadbiran yang bukan sahaja mempunyai mutu perkhidmatan berkualiti tinggi dan kelas satu tetapi juga telah berjaya melahirkan anggota pentadbir yang professional serta cekap dalam mentadbir negeri Sabah.

